

# Malaysia Hab Pendidikan Strategik

Oleh **Haqimi Abdul Zainal**

Semakin banyak negara dari benua Afrika mengiktiraf Malaysia sebagai hab pendidikan. Negara ini turut dijadikan batu loncatan ke arah memperkasakan kelayakan akademik dan menyediakan perangsang antarabangsa yang amat diperlukan untuk karier mereka.

Pengiktirafan Malaysia sebagai hab pendidikan serantau dalam kalangan negara Afrika bertitik tolak daripada siri Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) yang bermula sejak tahun 1995. Detik itu membuka laluan kepada pelajar negara berkenaan untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi terbaik melanjutkan pengajian.

Menerusi LID, Malaysia dan Afrika dapat mewujudkan perkongsian pintar dalam pelbagai bidang, seperti pendidikan, perdagangan, dan pelaburan ketika banyak negara lain tidak berminat melakukan kerjasama dengan negara benua Afrika.

Sememangnya usaha menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan menjadi fokus utama kerajaan. Sejak tahun 2010, Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, menggariskan empat elemen bagi membolehkan Malaysia muncul sebagai hab pendidikan serantau.

Elemen tersebut merangkumi komitmen mantap yang menjurus kepada kecemerlangan akademik dan program berdasarkan merit, inklusi sosial, iaitu golongan miskin dan yang terpinggir diberikan peluang untuk berjaya, memantapkan lagi kaedah pendidikan negara dengan menggunakan pakai amalan terbaik antarabangsa, dan memupuk kumpulan graduan cemerlang dalam pemikiran strategik dan mencipta kreativiti. Tidak ketinggalan, Perdana Menteri turut mengingati bahawa kemahiran berkomunikasi dan penguasaan bahasa lain termasuk Inggeris turut

menjadi aspek yang penting dalam menjayakan hab pendidikan di negara ini.

Mengiktiraf sektor pendidikan sebagai kunci, jentera pertumbuhan dan transformasi negara, kerajaan sedia menimbang insentif tambahan bagi menyokong sektor tersebut bagi memastikan sistem pendidikan memenuhi keperluan semasa dan masa depan. Sudah tentu dalam merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia hab pendidikan yang cemerlang, sokongan sektor swasta diperlukan.

Ternyata sudah sampai masanya segala perancangan serta pelaburan yang dibuat untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan serantau diterjemahkan pula dalam bentuk tindakan yang berkesan. Menurut Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, kerajaan sentiasa komited dalam usaha berkenaan dengan meneruskan usaha melahirkan tenaga kerja mahir serta suasana perniagaan yang positif bagi menjadikan negara ini terus berdaya saing.

Tambah beliau, usaha itu akan berjaya dengan sokongan rakyat khususnya dalam meningkatkan nilai, kemahiran, dan pendapatan mereka menerusi pembelajaran secara berterusan selain meningkatkan produktiviti dan persaingan menerusi pemikiran kreatif dan inovatif.

"Sekarang adalah masa untuk kita menterjemahkan apa-apa yang dirancang dengan tindakan. Kita perlu mewujudkan sistem yang menghormati setiap hak individu dalam memperoleh pendidikan yang berkualiti," katanya ketika berucap merasmikan majlis pecah tanah Epsom College Malaysia di Bandar Enstek, Nilai.

Beliau yang juga Menteri Pelajaran berkata bahawa dalam usaha berterusan menjadikan negara ini bertaraf dunia dari aspek pembangunan ekonomi serta menghasilkan modal insan berkualiti, kerajaan sentiasa mengalu-alukan pembukaan kolej dan universiti luar negara di Malaysia.

Kerajaan menghargai usaha Kuala Lumpur Education City (KLEC) dan Epsom College United Kingdom yang memilih negara ini untuk membuka pusat kecemerlangan pendidikan kerana Malaysia telah lama memainkan peranan sebagai hab pendidikan serantau. Malaysia menduduki tangga ke-11 sebagai negara yang menerima paling banyak menerima kemasukan pelajar asing.

Ternyata, kerajaan komited untuk merealisasikan impian menjadikan Malaysia hab pendidikan. Lantas, pada Julai 2012, Kabinet bersetuju dengan cadangan mewujudkan Hab Pendidikan Tinggi Pagoh dengan fasa pertama pembangunannya yang melibatkan kos sebanyak RM1 bilion.

Pembinaan yang dijadualkan bermula pada hujung tahun lalu merangkumi kawasan seluas 202.3 hektar bagi pembinaan cawangan di empat buah institusi pengajian tinggi awam. Fasa pertama pembinaan tersebut akan menempatkan kampus cawangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan sebuah politeknik.

Tempoh yang akan diambil untuk melaksanakan fasa pertama projek tersebut adalah antara tiga hingga empat tahun dan pada peringkat awal, sebanyak 10 000 orang penuntut akan mengikuti pengajian di empat buah institusi berkenaan.



Mahasiswa dari pelbagai negara bertumpu ke Malaysia.

Kerajaan tidak menghadkan kepada empat buah institusi pengajian sahaja. Kerajaan turut menawarkan kepada mana-mana universiti antarabangsa untuk membuka cawangan mereka di tapak sedia ada bagi merealisasikan hasrat menjadikan Pagoh sebagai hab pendidikan antarabangsa. Sebelum ini, Institut Teknologi Bandung telah menyatakan minat untuk membuka kampus cawangan di Pagoh.

Pembinaan Pagoh sebagai hab pendidikan membuka dimensi baharu kepada kawasan tersebut. Pagoh bakal dilengkapi dengan pelbagai kemudahan, antaranya kompleks sukan dan perpustakaan yang akan digunakan secara bersama-sama oleh penuntut manakala hostel dan kedai bakal dibangunkan oleh pemilik tanah, Sims Darby.

Langkah membangunkan Pagoh sebagai hab pendidikan terunggul negara

akan memajukan lagi sektor pengajian tinggi tempatan. Usaha tersebut selaras dengan hasrat melahirkan modal insan berkualiti negara pada masa hadapan. Projek tersebut juga akan menjadi antara pelengkap kepada Program Transformasi Ekonomi, iaitu membangunkan pendidikan sebagai antara Bidang Ekonomi Utama Negara.

Ternyata usaha menjadikan Pagoh sebagai hab pendidikan negara bukan sahaja membuka ruang pelaburan sektor pendidikan, malah turut menggalakkan pembangunan ekonomi. Manakala, masyarakat setempat akan memperoleh nikmat pendidikan yang lebih bermutu.

Menurut Profesor Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Profesor Dato' Dr. Sidek Baba, pembangunan jangka panjang hab pendidikan Pagoh akan menarik pembukaan lebih banyak kampus cawangan universiti luar negara

pada masa hadapan. Projek tersebut jangka mampu menarik sebanyak 150 000 orang penuntut dari luar negara menjelang 2015.

"Pembinaan hab pendidikan Pagoh membolehkan rakyat di negara ini mampu memiliki budaya ilmu yang tinggi yang setanding dengan negara maju. Usaha ini juga membolehkan generasi negara memiliki ilmu dalam segala bidang yang akhirnya dapat menjana perubahan dan kemajuan negara," jelas beliau kepada *Dewan Masyarakat*.

Hakikatnya, membina institusi pendidikan merupakan langkah yang bertepatan dan dapat merealisasikan perancangan strategik negara untuk mentransformasikan institusi pengajian tinggi dalam konteks menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pendidikan yang disegani dalam kalangan negara maju menjelang tahun 2020. 